

ISU KEBANJIRAN WARGA ASING

Usah biar kaduk naik junjung

Noor Mohamad
Shakil Hameed

L

aporan bahawa hampir 90 peratus aktiviti perniagaan di Pasar Borong Selayang dan Kuala Lumpur dimonopoli peniaga warga asing bukan saja mengejutkan, malah cukup membimbangkan. Masalah banjiriran dan monopoli warga asing ini dikatakan bukan baru berlaku sebaliknya sudah berlarutan sekian lama. Senario ini sekali gus mencetuskan seribu satu persoalan dalam kalangan anggota masyarakat yang menuntut penjelasan sewajarnya dari pelbagai pihak yang berkaitan.

Ironinya, sebelum kita menyalahkan warga asing terbabit, eloklah kita bermuhasabah dan perbaiki kelemahan di pihak kita sendiri. Pokok pangkalnya kita yakin dan percaya warga asing tidak akan bertindak seberani ini jika bukan dengan bantuan rakyat tempatan. Bantuan yang dimaksudkan boleh dilihat dari pelbagai sudut dan peranan. Misalnya, kita sedia maklum tapak perniagaan berkenaan sepatutnya milik warga tempatan, jadi bagaimana warga asing yang boleh berniaga dan menjadi 'tauke'? Maka persoalannya apakah rakyat kita yang diperuntukkan lot tapak itu menyewakan atau menjualnya kepada warga asing? Jika benar, bukankah ini satu bentuk penipuan dan pengkhianatan terhadap rakyat dan juga negara. Hal ini kerana mereka dapatkan tapak ini untuk meraih untung atas angin yang sekali gus menutup peluang perniagaan orang tempatan lain yang dengan jujur mahu berniaga dan mencari rezeki.

Pada masa sama, pihak berkuasa tempatan (PBT) yang bertanggungjawab mengeluarkan lesen perniagaan, mengutip sewa serta membuat pemantauan dan penguatkuasaan pula buat apa selama ini? Apakah masing-masing tutup mata dengan peniaga warga asing sehingga tidak mengambil sebarang tindakan? Sewajarnya jika benar ada berlaku elemen untung atas angin dan perniagaan ali baba, bukan saja warga asing berkenaan boleh diambil tindakan, malah pemilik lesen asal juga boleh dikenakan tindakan keras termasuk membatalkan terus lesen perniagaannya. Tindakan seumpama ini jelas terletak

di bawah bidang kuasa PBT.

Satu lagi isu yang mengganggu pemikiran kita ialah bagaimana boleh berlaku banjiriran warga asing yang begitu banyak di satu-satu kawasan seperti di kedua-dua pasar yang cukup popular dan menjadi tumpuan awam seperti ini. Kenapa pihak berkuasa membenarkan perkara ini berlaku? Alasan seperti sudah beberapa kali dibuat operasi, ramai ditangkap, tetapi masih berlaku rasanya boleh jadi alasan yang lapuk dan klise. Tegasnya kita tidak mahu terus didendangkan dengan pelbagai alasan sebaliknya mahu jalan penyelesaian untuk menangani masalah banjiriran warga asing seperti ini. Kalau strategi operasi selama ini kurang berkesan sehingga masalah sama terus berulang maka sudah tiba masanya kita meneroka langkah dan strategi baru lebih berkesan.

Semua pihak perlu sedar aktiviti monopoli perniagaan oleh warga asing seperti ini yang boleh disifatkan umpama kaduk naik junjung tidak boleh dibenarkan terus berlaku seperti ini kerana kesan buruknya terlalu banyak. Antaranya, mereka dikatakan sudah berani menekan pekebun warga tempatan untuk menjual hasil pada harga murah. Mereka berani bertindak seperti ini kerana bilangan mereka ramai dan berjaya menguasai rangkaian perniagaan di pasar, jadi pekebun tiada pilihan dan terpaksa menurut kehendak mereka. Bayangkan kalau pada hari ini mereka sudah berani menekan pekebun kita apa lagi mereka

berani buat suatu hari nanti. Oleh itu, dalam hal ini bukan saja pekebun, malah pengguna turut menjadi mangsa apabila peniaga ini dengan sewenang-wenangnya menetapkan harga barangan yang dijual sesuka hati mereka.

Di samping itu, peluang perniagaan dan pekerjaan warga tempatan juga terjejas dan ini tidak sihat untuk pembangunan ekonomi rakyat. Sepatutnya warga tempatan yang berniaga di situ termasuk mengambil pekerja dalam kalangan orang tempatan, barulah kadar pengangguran dapat dikurangkan dan ekonomi rakyat dapat dipertingkatkan. Tapi, apa yang menyedihkan rakyat tempatan pula umpama mengemis di bumi sendiri sehingga terpaksa mengharap ihsan untuk bekerja dengan warga asing. Malah, peluang itu juga dilihat semakin tipis kerana peniaga ini hampir semuanya menggunakan rakan senegara mereka sebagai pekerjanya. Maka, apa nasib warga tempatan?

Satu lagi kesan buruk yang boleh mengancam keselamatan rakyat dan negara ialah banjiriran warga asing secara berkelompok dan berpusat di satu-satu tempat seperti di kedua-dua pasar ini juga boleh meningkatkan kadar jenayah. Hal ini sangat signifikan kerana sudah terlalu banyak kes seperti pergaduhan sesama mereka, pergaduhan dengan pihak berkuasa dan juga warga tempatan pernah berlaku dan dilaporkan sebelum ini. Mereka bertindak berani termasuk

mencabar pihak berkuasa apabila menyedari bilangan mereka ramai dan boleh melakukan apa saja sesuka hati. Jadi jika kita terus membiarkan perkara ini berlarutan, mereka akan terus beranak-pinak, bertambah ramai, mewujudkan perkampungan mereka sendiri dan akan sentiasa mencabar undang-undang negara ini. Akhirnya mereka akan menjadi ancaman besar kepada rakyat dan negara ini sehingga sukar dikawal dan ditangani.

Masalah banjiriran warga asing di negara ini bukan suatu perkara baru. Walaupun operasi demi operasi dilancarkan, termasuk ramai juga yang ditangkap, dijatuhkan hukuman serta dihantar pulang, namun hakikatnya bilangan yang sedia ada dalam negara baik yang tinggal secara sah mahupun haram cukup ramai dan jangan lupa bilangan yang sedang masuk juga boleh dikatakan tidak pernah putus. Betul kita masih memerlukan mereka untuk bekerja di pelbagai sektor di negara ini namun itu bukan lesen untuk kita membiarkan mereka bermaharajalela di negara ini.

Jadi adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk bersama-sama berganding bahu menangani masalah banjiriran warga asing seperti ini dari peringkat akar umbi lagi. Jangan kita biarkan dan benarkan sama sekali kaduk naik junjung!

>>Penulis Timbalan Pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia

Betul kita masih memerlukan mereka untuk bekerja di pelbagai sektor di negara ini namun itu bukan lesen untuk kita membiarkan mereka bermaharajalela di negara ini

dialog kotaraya oleh juragan

